



## AmBank CARz Card / AmBank Islamic CARz Card-i

### TERMS AND CONDITIONS

Terma dan Syarat berikut hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat dalam Perjanjian Pemegang Kad AmBank Islamic ("Perjanjian") dan akan terpakai kepada Pemegang Kad yang memilih Kad CARz Platinum dan Kad CARz Emas. Jika anda tidak memahami mana-mana terma dan syarat ini, sila dapatkan penjelasan daripada wakil yang diberi kuasa oleh Bank. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat ini dengan yang terkandung dalam Perjanjian, terma dan syarat ini akan mengatasinya setakat mana ia terpakai kepada Kad CARz Platinum dan Kad CARz Emas.

1. Semua pernyataan di dalam ini mempunyai maksud yang ditetapkan, melainkan diperlukan sebaliknya menurut konteks: -
  - Bank bermaksud (i) AmBank (M) Berhad; atau (ii) AmBank Islamic Berhad, yang mana berkenaan;

**Kad CARz** bermaksud (i) Kad CARz AmBank yang dikeluarkan oleh AmBank (M) Berhad (dan hendaklah termasuk sebarang Kad Tambahan), (ii) Kad-i CARz AmBank Islamic yang dikeluarkan oleh AmBank Islamic Berhad kepada Ahli Kad (dan hendaklah termasuk sebarang Kad-i Tambahan); yang mana berkenaan.

**Ahli Kad CARz** bermaksud Ahli Kad yang telah memohon dan diberikan Kad CARz atas namanya sendiri, yang merupakan pengguna sah dan dibenarkan bagi Kad CARz, dan termasuk kedua-dua Kad Utama dan Tambahan, melainkan dinyatakan sebaliknya;

**Kad CARz Platinum Mastercard** bermaksud Kad CARz yang ditetapkan sebagai kad Platinum berjenama MasterCard, dan termasuk Kad CARz tambahan melainkan dinyatakan sebaliknya;

**Kad CARz Platinum VISA** bermaksud Kad CARz yang ditetapkan sebagai Kad Platinum berjenama VISA, dan termasuk Kad CARz Tambahan melainkan dinyatakan sebaliknya;

**Kad CARz Emas VISA** bermaksud Kad CARz yang ditetapkan sebagai Kad Emas berjenama VISA, dan termasuk Kad CARz Tambahan melainkan dinyatakan sebaliknya;

**Ahli Kad CARz Tambahan** bermaksud Ahli Kad Tambahan yang telah memohon dan diberikan Kad CARz Tambahan oleh Bank atas permintaan Ahli Kad CARz Utama;

**Rebat Tunai** bermaksud rebat yang diperolehi oleh Ahli Kad bagi urus niaga Petrol yang dibayar menggunakan Kad CARz di mana-mana stesen minyak;

**Urus Niaga Petrol** bermaksud pembelian petrol yang termasuk dalam Kod Kategori Pedagang (MCC) 5541 dan 5542 di mana-mana stesen minyak di Malaysia, tanpa mengira jenama, untuk kegunaan peribadi oleh individu sebenar, dan tidak boleh digunakan untuk pembelian perniagaan atau komersial;

**Kod Kategori Pedagang (MCC)** "Kod Kategori Pedagang" atau "MCC" bermaksud penetapan bagi setiap Pedagang dan rekod transaksi yang tertakluk pada pengelasan oleh bank pemeroleh masing-masing (bank yang menyenggarakan akaun pedagang dan memproses pembayaran bagi pihak pedagang) dan menjadi tanggungjawab bank pemeroleh masing-masing untuk menetapkan MCC dan rekod transaksi kepada transaksi yang berkenaan.

AmBank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penetapan MCC dan rekod transaksi yang mungkin menyebabkan kegagalan catatan Rebat Tunai bagi transaksi runcit di pedagang yang layak. Pemegang Kad tidak berhak untuk menuntut sebarang pampasan daripada AmBank bagi kegagalan catatan Rebat Tunai yang disebabkan oleh penetapan MCC dan rekod transaksi oleh bank pemeroleh pedagang yang berkenaan.

**Rebat Maximum** bermaksud jumlah maksimum Rebat Tunai;

**RM** bermaksud Ringgit Malaysia, mata wang sah Malaysia;

**Pembayar Pusingan** bermaksud Ahli Kad CARz yang tidak membuat bayaran penuh pada atau sebelum Tarikh Matang Pembayaran. Dalam erti kata lain, Ahli Kad CARz yang membuat bayaran separa dan meninggalkan baki tertunggak sebanyak RM5 atau lebih, yang akan dibawa kehadapan pada bulan berikutnya

**Pembayar Penuh** bermaksud Ahli Kad CARz yang membuat bayaran penuh pada atau sebelum Tarikh Matang Pembayaran atau meninggalkan baki tertunggak sebanyak RM5 atau kurang, yang akan dibawa kehadapan pada bulan berikutnya.

2. Bagi Kad CARz yang dikeluarkan oleh AmBank (M) Berhad, semua perkataan dan pernyataan yang ditakrifkan dalam Perjanjian MasterCard/ VISA AmBank (M) Berhad apabila digunakan dalam perjanjian ini hendaklah mempunyai maksud yang sama melainkan dinyatakan sebaliknya. Melainkan dipinda dan ditambah di dalam ini, semua terma dan syarat Perjanjian MasterCard/VISA AmBank (M) Berhad hendaklah berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya. Perjanjian MasterCard/VISA AmBank (M) Berhad dan perjanjian ini hendaklah membentuk dan dibaca sebagai dokumen tunggal bersepada. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian MasterCard/VISA AmBank (M) Berhad dan terma yang dinyatakan di dalam ini, terma yang dinyatakan di dalam ini akan diguna pakai.
3. Bagi Kad-i CARz yang dikeluarkan oleh AmBank Islamic Berhad, semua perkataan dan pernyataan yang ditakrifkan dalam Perjanjian MasterCard/ VISA AmBank Islamic Berhad apabila digunakan dalam perjanjian ini hendaklah mempunyai maksud yang sama melainkan dinyatakan sebaliknya. Melainkan dipinda dan ditambah di dalam ini, semua terma dan syarat Perjanjian MasterCard/VISA AmBank Islamic Berhad hendaklah berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya. Perjanjian MasterCard/VISA AmBank Islamic Berhad dan perjanjian ini hendaklah membentuk dan dibaca sebagai dokumen tunggal bersepada. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian MasterCard/VISA AmBank Islamic Berhad dan terma yang dinyatakan di dalam ini, terma yang dinyatakan di dalam ini akan diguna pakai.
4. Bank berhak untuk menentukan Rebат Tunai yang diberikan untuk setiap Urus Niaga Petrol Kad CARz di mana-mana stesen petrol di Malaysia. Melainkan dan kecuali bagi Urus Niaga Petrol di Malaysia, Rebат Tunai tidak diberikan atas pembelian barang dan perkhidmatan di stesen petrol di Malaysia.
5. Kad CARz boleh digunakan untuk membayar Urus Niaga Petrol di Malaysia, tanpa mengira jenama, untuk tujuan penggunaan peribadi orang sebenar, dan ia tidak boleh digunakan untuk pembelian komersil dan perniagaan.
6. Bank berhak untuk tidak memberikan Rebат Tunai apabila Bank telah menentukan atas budi bicara penuh dan mutlaknya bahawa Urus Niaga Petrol yang dibayar menggunakan Kad CARz telah dibuat untuk pembelian perniagaan dan komersil
7. Rebат Tunai yang diperolehi oleh Ahli Kad CARz adalah berbeza-beza bergantung kepada corak pembayaran Ahli Kad, iaitu pembayar pusingan atau pembayar penuh. Tertakluk kepada perubahan yang boleh dibuat atas budi bicara tunggal Bank, kadar Rebат Tunai yang diperolehi oleh Ahli Kad CARz adalah seperti berikut

Jenis Kad	Pembayar Pusingan	Pembayar Penuh
Kad CARz Platinum Visa/Mastercard	5%	2%
Kad CARz Emas Visa	3%	2%

8. Ahli Kad CARz layak menerima rebat pada kadar di atas jika Ahli Kad CARz membawa ke hadapan baki kad CARz dari tarikh penyata sebelumnya ke tarikh penyata yang seterusnya.
9. Rebат Tunai maksimum yang boleh didapati bagi setiap kad secara bulanan akan ditentukan oleh Bank seperti berikut
 

Jenis Kad	Pembayar Pusingan	Pembayar Penuh
Kad CARz Platinum Visa/Mastercard	Rebat Tunai RM80 setiap kad sebulan	Rebat Tunai RM20 setiap kad sebulan
Kad CARz Emas Visa	Rebat Tunai RM50 setiap kad sebulan	Rebat Tunai RM20 setiap kad sebulan
10. Rebат Tunai akan dikreditkan secara automatik ke dalam Akaun Kad Ahli Kad tertakluk kepada syarat berikut
  - a. Akaun Kad CARz tidak tertunggak atau Ahli Kad CARz tidak pernah ingkar membuat bayaran bagi jumlah yang dihutang di bawah Akaun Kad CARz.
  - b. Rebат Tunai tidak dikumpulkan menerusi aktiviti penipuan seperti yang ditentukan oleh Bank.
  - c. Rebат Tunai dikumpulkan untuk tujuan penggunaan peribadi dan bukan dikumpulkan kerana pembelian perniagaan atau komersil.
  - d. keadaan lain sedemikian yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa. Rekod Bank hendaklah menjadi bukti muktamad tentang jumlah Rebат Tunai dalam Akaun Kad CARz
11. Rebат Tunai hanya akan diberikan dalam keadaan berikut
  - a. bayaran bagi Urus Niaga Petrol di mana-mana stesen minyak di Malaysia yang dijelaskan menggunakan Kad CARz;
  - b. Kad CARz sah dan dalam kedudukan kredit yang baik;
  - c. tidak ingkar membayar jumlah belum jelas dalam Akaun Kad CARz;
  - d. baki belum jelas Akaun Kad CARz tidak melebihi Had Kad;
  - e. Kad CARz tidak digantung, dibatalkan atau ditamatkan oleh Bank.
12. Rebат Tunai dalam Akaun Kad CARz akan menjadi tidak sah dengan serta-merta selepas berlakunya mana-mana satu daripada yang berikut:
  - a. pembatalan Kad CARz;
  - b. pertukaran Kad CARz kepada mana-mana kad kredit/kad-i yang dikeluarkan oleh Bank;
  - c. Akaun Kad CARz tidak berbayar. Tiada pemulangan, lanjutan atau pampasan akan diberikan oleh Bank.
13. Rebат Tunai tidak boleh dipindahkan dan tidak boleh ditukarkan dengan baucar atau Kredit Simpanan Nilai/Had Kad atau mata ganjaran.
14. Tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini, kedua-dua Ahli Kad CARz Utama dan Tambahan layak untuk menikmati Rebат Tunai seperti yang dinyatakan di atas sepanjang tempoh Kad CARz.

15. Bank berhak atas budi bicara untuk menukar atau meminda manfaat yang dinyatakan di atas, termasuk mekanisme pengiraan dan pemberian Rebат Tunai, dan pindaan serta perubahan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank. Bank akan memberikan notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalender sebelum pindaan dan perubahan tersebut berkuat kuasa. Jika Pemegang Kad CARz tidak bersetuju dengan pindaan dan perubahan tersebut, Pemegang Kad CARz hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis oleh Bank dan hendaklah membatalkan Kad CARz serta membayar sepenuhnya semua jumlah tertunggak di bawah Kad CARz. Sekiranya Pemegang Kad CARz terus mengekalkan Kad CARz selepas dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh notis pindaan dan perubahan tersebut oleh Bank, Pemegang Kad CARz dianggap telah menerima pindaan dan perubahan tersebut.
16. Rebат Tunai yang diperolehi oleh Ahli Kad CARz Utama dan Tambahan akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad masing-masing setiap bulan. Jumlah Rebат Tunai bagi setiap akaun akan dinyatakan dalam penyata bil bulanan. Penjejak urus niaga petrol adalah berdasarkan tarikh transaksi dipos pada penyata Pemegang Kad (Waktu Malaysia) dan Bank tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun untuk sebarang pengeposan lewat ke akaun Kad Kredit Pemegang Kad oleh saudagar dan/atau mana-mana pihak ketiga. Sebarang pengeposan lewat akan menyebabkan Rebат Tunai dikira pada kitaran penyata seterusnya.
17. Ahli Kad CARz dengan ini mengakui bahawa terdapat selang masa antara urus niaga yang dibuat menggunakan Kad CARz dan pengkreditan Rebат Tunai ke dalam Akaun Kad CARz beliau.
18. Bank berhak untuk tidak memberikan Rebат Tunai jika Bank percaya atau mengesyaki bahawa mana-mana transaksi adalah menyalahi undang-undang, melibatkan penipuan, tidak jujur, dipulangkan, dipertikaikan atau tidak sah. Bank boleh menarik balik sebarang Rebат Tunai yang telah dikreditkan yang diberikan daripada akaun Kad Kredit Pemegang Kad jika Bank mengesyaki atau mendapati bahawa mana-mana transaksi adalah tidak sah, menipu, tidak jujur, dipulangkan, dipertikaikan dan/atau tidak sah.
19. Ahli Kad perlu menyemak di laman web korporat Bank di [ambank.com.my](http://ambank.com.my) untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai terma dan syarat dari masa ke masa.
20. Bank berhak untuk meminda terma dan syarat yang dinyatakan di atas dari masa ke masa dengan memberikan notis kepada Pemegang Kad sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Selain itu, Pemegang Kad dikehendaki untuk menyemak laman web rasmi Bank secara berkala bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai terma dan syarat Perjanjian ini kerana sebarang perubahan kepada Perjanjian ini akan diterbitkan di laman web Bank.
21. Versi Bahasa Inggeris bagi Perjanjian ini akan tersedia kepada Pemegang Kad melalui laman web korporat Bank atau atas permintaan.

AmBank (M) Berhad 196901000166 (8515-D)

AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U)

Versi: September 2025